

CUEPACS antara sambut baik

Oleh KHAIRUL ABIDIN NUAR dan ASLIZA MUSA

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Mac - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyifatkan langkah memansuhkan bayaran wad hospital kerajaan merupakan penghargaan tertinggi yang diberikan kepada pesara dan penjawat awam.

Presidennya, **Omar Osman** berkata, pemansuhan itu diharap mampu meringankan beban yang dihadapi pesara ekoran jumlah wang pencen yang kecil.

"Bukan semua pesara memperolehi wang pencen yang tinggi. Oleh itu, dengan adanya pemansuhan ini, wang yang sepatutnya diperuntukkan untuk kos perubatan dapat digunakan untuk tujuan lain.

"Selain itu, apabila penjawat awam tidak lagi terbeban dengan kos perubatan yang tinggi, mereka dapat memberikan sepenuh tumpuan semasa bekerja seterusnya meningkatkan lagi kualiti kerja mereka," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Hari ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam mengumumkan kira-kira 560,000 orang pesara dan 1.1 juta pegawai perkhidmatan awam bakal menikmati pemansuhan bayaran wad untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan berkuat kuasa 1 April ini.

Menurutnya, pemansuhan itu juga melibatkan ahli keluarga dan ibu bapa kedua-dua kumpulan tersebut selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2010 yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, **Datuk Paduka Raja Wan Mahmood Pawan Teh** berkata, pemansuhan bayaran wad hospital untuk pesara kerajaan merupakan tanda keprihatinan kerajaan kepada rakyat.

"Saya kagum dengan keputusan yang dibuat kerajaan demi menjaga kepentingan penjawat awam yang telah bersara ini. Melalui pemansuhan ini, sedikit sebanyak ia mampu mengurangkan kos perubatan yang perlu ditanggung oleh pesara dan keluarga.

"Apabila berusia, penyakit mula datang tetapi wang pencen yang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung setiap kos perubatan. ini akan membantu pesara," katanya.

Beliau menambah, keprihatinan kerajaan itu perlu dibalas oleh pesara dengan memberikan sumbangan dan kepakaran mereka melalui program yang dapat membantu pembangunan generasi akan datang di samping menjana ekonomi negara.